| **HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK**<br><br>**Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menggunakan produk Pungutan Bil Import-i. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.** | **BANK RAKYAT**<br><br>**PUNGUTAN BIL IMPORT-i (IBC-i)**<br><br>**Date:** |
|---|---|

### 1. Apakah yang ditawarkan produk ini?

Pungutan Bil Import-i (IBC-i) adalah perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank untuk pengendalian dokumen-dokumen (tempatan dan asing) yang diterima daripada Bank Penghantar / Pengeksport atau secara terus dari pengeksport/penjual untuk diserahkan kepada pengimport/pembeli untuk bagi pembayaran dilakukan sewaktu serahan ataupun pada satu tarikh yang ditentukan setelah penerimaan Bil Pertukaran usans dilakukan.

### 2. Apakah konsep Shariah yang digunakan?

IBC-i adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Ijarah Khadamat yang merujuk kepada bayaran untuk manfa'ah iaitu pembayaran untuk sesuatu perkhidmatan.

### 3. Apakah yang saya dapat daripada produk ini?

- Dokumen-dokumen dikendalikan mengikut amalan standard perbankan antarabangsa yang dikawal-selia di bawah Peraturan "ICC Uniform Rules for Collection Publication No 522".
- Cara terpantas untuk mendapatkan dokumen-dokumen perdagangan dan membuat pembayaran segera kepada pembekal, serta meningkatkan hubungan perniagaan pelanggan dengan pembekal.

### 4. Apakah tanggungjawab saya?

Pelanggan / Penerima Bil perlu membuat pembayaran pada ketika dokumen-dokumen perdagangan itu diserahkan atau melakukan penerimaan bil pertukaran usans jika pembelian dilakukan atas dasar kredit untuk pembayaran kepada pembekal / pengeksport

### 5. Apakah jenis-jenis fi dan caj komisen yang perlu saya bayar?

Semua kos dan caj yang berkaitan dengan kemudahan ini adalah ditanggung oleh pelanggan.

| Jenis-jenis fi/caj | Kadar/Kos |
|---|---|
| Komisen / Pindaan | 0.1% atas amaun invoice (Min RM50, Max Tempatan: RM500 Asing: RM100) |
| Pelepasan tanpa bayaran | RM120 |
| Ubah hala ke bank lain | RM120 |
| Bil Bantahan | Kos sebenar |
| SWIFT | RM25 |
| RENTAS | RM5 |
| Perbelanjaan am (penghantaran) | Kos sebenar |

### 6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

Pengeksport / penjual berhak untuk menuntut bayaran penuh dan mengambil tindakan undang-undang / bantahan jika tidak menerima bayaran atau pengimport tidak melakukan penerimaan Bil Pertukaran Usans. Semua kos berkaitan akan ditanggung oleh pelanggan

**7. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful atau insurans?**

Polisi Kargo Marin mengikut persetujuan di antara pembeli dan penjual (jika berkenaan)

**8. Apakah risiko-risiko utama?**

Bank Penyerahan tidak akan mempunyai apa-apa cara untuk mengesahkan kesahihan dokumen-dokumen penghantaran kerana mereka hanya bertindak sebagai penyerah dan ejen memungut bagi pihak pengeksport dan / atau bank pengeksport.

**9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk atau layari www.bankrakyat.com.my

**10. Apa-apa cadangan dan pertanyaan anda boleh diajukan kepada:**

Jabatan Pembiayaan Perdagangan
Level 28 Menara 1
Menara Kembar Bank Rakyat
No. 33 Jalan Travers
50470 Kuala Lumpur
Tel: 03-26129600 (talian umum)
E-mel: trade@bankrakyat.com.my

atau

Bahagian Perbankan Perniagaan
Level 26 Menara 1
Menara Kembar Bank Rakyat
No. 33 Jalan Travers
50470 Kuala Lumpur
Tel: 03-26129600 (talian umum)

**11. Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk-produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi:**

Biro Pengaduan Awam
Khidmat Pelanggan, Menara 1
Menara Kembar Bank Rakyat
No. 33 Jalan Travers
50470 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-80-5454
Website:
www.bankrakyat.com.my/enquiries-feedback

atau

Hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato 'Onn,
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: 03-21741515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

**12. Lain-lain produk Pembiayaan Perdagangan yang ditawarkan?**

- Surat Kredit-i
- Surat Kredit Export-i
- Surat Kredit Export Pengesahan-i
- Pungutan Bil Export-i
- Pembiayaan Bil Export-i
- Pembiayaan Bil Kredit Export-i
- Pembiayaan Perdagangan Tawarruq
- Pembiayaan Modal Kerja Murabahah
- Jaminan Perkapalan-i
- Jaminan Bank-i

**NOTA PENTING:**

TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN SECARA TETAP.
HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK MESTI DI BACA, DI FAHAM, DI TERIMA DAN PERLU DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN.
PRODUK TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA SHARIAH BANK RAKYAT PADA 25hb JUN 2015.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 9hb Januari 2019.